

# Newtbec

NEW WAY OF BEING CHURCH

PEMBAPTISAN TUHAN


GARAM DAN TERANG DUNIA: PERSEKUTUAN, PENYERTAAN DAN MISI

TEMA BULANAN:

MINGGU DOA UNTUK KESATUAN UMAT KRISTIAN

## MENGUKUHKAN TUBUH MISTIK KRISTUS

Hari ini, Gereja merayakan Pembaptisan Tuhan. Apabila Allah mengesahkan kedudukan Anak Ilahi Yesus selepas pembaptisan-Nya, Roh Kudus turun ke atas-Nya seperti burung merpati. Dalam kisah dramatik ini, kita memahami bahawa apa yang telah digambarkan dalam Yesaya 42 telah menjadi kenyataan. Allah Bapa mengutus Anak-Nya untuk menebus kita.



PETIKAN TULISAN  
SUCI UNTUK  
DIHAFAL:

...la akan  
membaptis  
kamu  
dengan Roh  
Kudus dan  
dengan api.

(Lukas 3:16)

Yesus, sebagai Hamba Taat yang, walaupun tidak berdosa, memilih untuk menjadi antara orang berdosa yang bertobat yang mencari pembaptisan Yohanes; dan Roh Kudus yang Menguduskan mengurapi Yesus pada permulaan pelayanan awam-Nya.

Pada pembaptisan kita, menjadi ahli Tubuh Mistik Kristus, dan kita masuk ke dalam dinamika hubungan intim Tritunggal Mahakudus. Kita menerima identiti baru sebagai anak-anak Allah dan ditarik ke dalam kehidupan Allah Tritunggal. Paus Yohanes Paulus II menegaskan hal ini dalam ensikliknya tentang panggilan dan misi umat awam, *Christifideles Laici 12*, di mana dia menggambarkan hasil pembaptisan sebagai 'persatuan mistik' antara Kristus dan para murid-Nya, dan para murid dengan satu sama lain, seperti ' ranting-ranting di pokok anggur.'

Paulus adalah seorang penganiaya Gereja. Dalam perjalanan ke Damsyik, dia terbuang ke tanah, melihat terang itu, dan dia mendengar suara ini bertanya kepadanya, 'Saulus, Saulus, mengapakah kamu menganiaya Aku?' Dalam hal ini, Yesus menegaskan Diri-Nya sebagai Satu dengan Tubuh-Nya, yakni Gereja.

Di dalam homilinya Uskup Robert Barron berkata, **'Sebagai orang yang dibaptis, seorang ahli tubuh mistik Kristus yang hidup, anda dikaitkan kepada semua orang yang dibaptis. Setiap orang kudus ini adalah bersaudara. Tetapi bukan sahaja orang-orang kudus, bahkan mereka yang baik, yang buruk, yang hodoh, yang acuh tak acuh, setiap orang yang dibaptis dikaitkan kepada kita dalam cara organ-organ dalam badan dikaitkan antara satu sama lain.'**

Bila satu bahagian Tubuh sakit, kita juga merasa sakit. Itulah sebabnya kerja-kerja belas kasihan jasmani dan rohani adalah sangat penting. Sebaik sahaja kita menyedari implikasi pembaptisan kita, kita tahu betapa perlunya untuk mengukuhkan Tubuh Mistik Kristus ini. Kita tidak bersendirian kerana Kristus, melalui Sakramen-Sakramen, menyokong kita.

Bolehkah kita mengambil masa ini untuk merenungkan karunia-karunia Allah untuk kita? Adakah kita menggunakan karunia ini untuk membina Tubuh Kristus, atau sedang mencerai-beraikannya? Dalam dunia yang bermasalah ini, Kristus perlu bertindak melalui Tubuh-Nya. Adakah kita berada di dalam atau di luar? ❖

### AYAT SUCI MINGGU INI

Yesaya 40: 1-5, 9-11;

Maz. 103: 1-4, 24-25,  
27-30;

Titus 2: 11-14, 3: 4-7;

Lukas 3: 15-16, 21-22.